

Headline	Aplikasi Perak Tool bantu pulihara hutan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Mar 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	25	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	86 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,503
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,509



Aplikasi Perak Tool bantu pulihara hutan

KUALA LUMPUR: Aplikasi Perak Bio-Diversity Tools Set (Perak Tool), pertama seumpamanya di dunia untuk merancang sektor perhutanan, pembalakan terkawal dan kajian kesan biodiversiti terhadap perhutanan dilancarkan di sini, semalam.

Dihasilkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui program UNDP-GEF-ITTO-FRIM Conservation of Biodiversity (CBioD), Perak Tool diyakini dapat membantu pengurusan penjadualan perhutanan bagi aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan negara.

Ia dibiayai sepenuhnya oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Global Environmental Facility (GEF) dan Organisasi Pembalakan Tropika Antara-bangsa (ITTO).

Projek CBioD dimulakan pada 2007 di Hutan Belum Temenggor, memberi fokus kepada aplikasi perancangan landskap, pembayaruan untuk perkhidmatan ekosistem, penilaian biodiversiti, kaedah pembalakan alternatif, selain pemilihan pokok untuk ditebang secara berkomputer.

Berucap melancarkan Perak Tool di sini, semalam, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sri Douglas Unggah Embas, menyifatkan aplikasi 'Perak Tool' adalah jawapan kepada pencarian untuk pemilihan penebangan hutan, mengenal pasti kesan penebangan terhadap biodiversiti dan membantu merancang sektor perhutanan tanpa memberi kesan negatif kepada ekonomi negara.